

## PENILAIAN KEBERKESANAN KURSUS PUSAT LATIHAN PENGURUSAN PENDIDIKAN ISLAM INSTITUT LATIHAN DAN DAKWAH SELANGOR (ILDAS)

Abdul Ghafar Bin Haji Don \*  
Ab. Halim Bin Tamuri  
Supyan Bin Hussin  
Mohd Aderi Bin Che Noh  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
a.g.don@ukm.edu.my \*

### ABSTRACT

This article concerns on the effectiveness of programmes and courses conducted by ILDAS Islamic Education and Management Training Centre (Pusat Latihan Pengurusan dan Pendidikan Islam (PLPPI) in Malay) . There are five courses that are offered by PLPPI, namely Kursus Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan (Effective Teaching and Learning Course) , Pengurusan Ko-Kurikulum Berkesan (Effective Co-Curriculum Management Course), Kursus Pengurusan Hal Ehwal Murid (Pupil's Management Course), Kursus Pembinaan Soalan Dan Jawapan (Question and Answer Design Course) and Kursus Tarannum (Tarannum Course). Questionnaire was employed as an instrument in order to gauge participants' evaluation on the effectiveness of the programmes. A few of the 600 participants provided their views through questionnaires on the training programmes and courses conducted by PLPPI. The findings of the study revealed that the participants' evaluation on the courses and programmes organized by PLPPI were high. The mean scores for the courses are the following: 4.084 for Kursus Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan, 4.025 for Kursus Pengurusan Ko-Kurikulum Berkesan, 4.123 for Kursus Pengurusan Hal Ehwal Murid, 4.106 for Kursus Pembinaan Soalan dan Jawapan and 4.062 for Kursus Tarannum.

**Keywords:** Evaluation, Effectiveness, Islamic Education, Training, ILDAS

### PENGENALAN

Program dalam membangunkan dan meningkatkan potensi serta kualiti pekerja antara lainnya adalah dilaksanakan melalui latihan. Latihan yang berterusan akan mampu menyumbang kepada peningkatan kualiti kerja dan produktiviti serta meningkatkan imej organisasi. Pendidikan dan latihan begitu ditekankan dalam Islam. *Tamrin* dan *tadrib* adalah dua istilah yang sinonim dengan latihan dalam Islam. Dalam *A Dictionary of Modern Written Arabic* (1980 , hlm. 276, 905) latihan adalah merujuk kepada istilah-istilah '*tamrin* dan *tadrib*'. Hadith Nabi berhubung kepentingan latihan ini dapat dilihat seperti berikut :

« Tiga golongan bagi mereka dua ganjaran, iaitu lelaki daripada Ahli Kitab yang beriman dengan Nabinya dan beriman dengan Nabi Muhammad s.a.w, seorang hamba apabila ia melaksanakan hak Allah dan hak tuannya, dan seorang lelaki yang mempunyai hamba lalu ia mendidik dan mengajarnya dan mengelakkan pendidikan dan pengajarannya, kemudian membebaskan hamba tersebut lalu mengahwininya maka baginya pahala » (*Al-Bukhari*, Kitab al-ilm, jil.1 : 35)

Amalan di zaman Rasulullah menunjukkan baginda begitu prihatin dalam soal pendidikan dan latihan. Di peringkat Mekah lagi aspek latihan dan pendidikan ini telah diberi perhatian serius dalam melahirkan masyarakat dan pekerja Muslim berkualiti. Safi-ur-Rahman al-Mubarakpuri (1995, hlm. 54) menyatakan pada tahun ke-5 hijrah, baginda Rasulullah telah menjadikan rumah al-Arqam di Bukit Sofa pusat melatih pengikut-pengikutnya memami al-Qur'an dan ajaran Islam. Sebagai contoh, di Madinah institusi al-Suffah yang terletak dalam Masjid nabawi berperanan sebagai pusat pendidikan, dakwah dan latihan. Tentang peranan al-Suffah ini Sherwani (1939, hlm. 54) menjelaskan :

« The school of Suffah provided instruction not only for the boarders but also day scholars and casual visitors attended in the large numbers. The number of the boarders in Suffah varied from time to time and record shows that at one time there were seventy living in Suffah. Besides the local population, batches of students from far-off tribes used to come and stay there for a while and complete their course before returning to their country. Often the Prophet asked some of his trained companions to accompany the tribal delegations on their return journey in order to organise education in their country and then return to Madinah »

(Sekolah atau institusi suffah telah menyediakan pengarahan (pengajian) tidak hanya kepada kepada para penghuninya, tetapi juga para pelawat yang datang secara kebetulan dalam jumlah yang ramai. Jumlah penghuni suffah berbeza dari masa ke masa dan rekod menunjukkan pada satu-satu masa terdapat tujuh puluh orang tinggal di Suffah. Selain daripada penduduk tempatan, terdapat juga pelajar daripada suku kaum yang tinggal jauh datang dan tinggal di Suffah untuk seketika dan melengkapkan pengajian (latihan) sebelum pulang ke negeri mereka. Rasulullah juga selalu meminta para sahabat yang terlatih mengiringi delegasi kabilah yang pulang ke negeri mereka dalam usaha mengatur pendidikan di sana dan kemudiannya pulang ke Madinah semula)

Sehubungan dengan itu, dalam konteks meningkatkan kualiti pekerja Muslim yang berwibawa, program-program latihan perlu dilaksanakan secara sistematik dan berterusan. Artikel ini cuba melihat keberkesanan program latihan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) yang dilaksanakan melalui pusat latihannya iaitu Institut Latihan dan Dakwah Selangor (ILDAS) dengan penumpuan khusus terhadap keberkesanan kursus-kursus Pusat Latihan Pengurusan Pendidikan Islam (PLPPI), ILDAS.

## LATARBELAKANG INSTITUT LATIHAN DAN DAKWAH SELANGOR (ILDAS)

Institut Latihan dan Dakwah Selangor (ILDAS) adalah sebuah pusat latihan yang berada di bawah Jabatan Agama Islam Selangor. ILDAS ditubuhkan pada 1995 ditadbir dan diselia oleh Jabatan Agama Islam Selangor (Buku Program Latihan ILDAS 2009). Sebagai sebuah pusat latihan, ILDAS bertanggungjawab dan berperanan dalam merangka dan melaksanakan program latihan kepada masyarakat dan pekerja pelbagai sektor di negeri Selangor. Semenjak penubuhannya, ILDAS telah melaksanakan tugas dan tanggung jawabnya memberikan kursus dan latihan kepada masyarakat awam dan penjawat-penjawat awam di negeri Selangor. Penubuhan ILDAS adalah untuk memenuhi hasrat Jabatan Agama Islam Selangor untuk melahirkan sistem pentadbiran dan pengurusan yang cekap berasaskan Islam. Terdapat lima pusat latihan yang bertanggungjawab di ILDAS untuk melaksanakan kursus dan latihan tersebut iaitu:

- i. Pusat Latihan Pengurusan Am
- ii. Pusat Latihan Pengurusan Dakwah
- iii. Pusat Latihan Pengurusan Pendidikan Islam
- iv. Pusat Latihan Pengurusan Teknologi Maklumat
- v. Pusat Latihan Pengurusan Masjid

## PERNYATAAN MASALAH

Keberkesanan pelaksanaan kerja antara lain ditentukan oleh faktor latihan yang diterima. Latihan yang sistematik dan berterusan akan membantu meningkatkan kecekapan dan keberkesanan tugas oleh pekerja. Sektor pelajaran dan latihan sebagaimana dijelaskan Ideris Endot (2007) adalah sebahagian daripada pelaburan sosial yang penting dan memberi faedah kepada negara dalam tempoh yang panjang. Peranan pelajaran dan latihan di Malaysia ialah untuk melahirkan individu berpengetahuan, terlatih dan mahir untuk memenuhi keperluan tenaga manusia dan keperluan sosial yang semakin bertambah. Shaharom TM Sulaiman (1999) pula berpendapat antara aspek penting dalam pembangunan manusia dan kecekapan pengurusan organisasi ialah kemahiran. Bagi mencapai matlamat meningkatkan kemahiran ini, pihak pengurusan antara lain menurut beliau telah mengadakan pelbagai usaha seperti latihan, kursus, seminar dan lain-lain. Latihan dalam konteks pembangunan Islam pula dibincangkan oleh Yusuf Ismail (1991). Pada pandangan beliau, latihan dalam Islam bertujuan membangunkan kesempurnaan pekerja Muslim ke arah mencapai *al-falah* (kejayaan). Kedua-dua sektor awam mahupun swasta mempunyai bahagian latihan masing-masing bagi meningkatkan tahap kecekapan pekerjanya. Berdasarkan isu dan permasalahan yang dinyatakan, artikel ini cuba membincang dan menganalisis keberkesanan program latihan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bagi merealisasikan matlamat melahirkan pekerja profesional dan berdedikasi yang dapat melaksanakan tugas dengan baik. Sehubungan dengan itu, penubuhan Institut Latihan dan Dakwah Selangor (ILDAS) boleh dianggap sebagai satu usaha JAIS meningkatkan keberkesanan kerja oleh para petugas dalam pelbagai sektor di negeri Selangor. Tumpuan kajian ini bagaimanapun hanya melihat kepada keberkesanan kursus yang dilaksanakan oleh Pusat latihan Pengurusan Pendidikan Islam (PLPPI), ILDAS.

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah untuk menilai keberkesanan kursus-kursus yang dilaksanakan oleh Pusat Latihan Pengurusan Pendidikan Islam (PLPPI), Institut Latihan dan Dakwah Selangor (ILDAS).

## METODOLOGI KAJIAN

### *Rekabentuk Kajian*

Kajian ini adalah kajian kuantitatif deskriptif yang bertujuan untuk mengkaji keberkesanan kursus yang dijalankan di ILDAS.

### *Sampel Kajian*

Kajian ini telah melibatkan seramai 600 orang peserta di seluruh negeri Selangor yang telah mengikuti kursus yang dilaksanakan oleh PLPPI ILDAS pada tahun 2010-2012. Sebanyak 1000 borang soal selidik telah diedarkan kepada para peserta. Pada asasnya, pemilihan sekolah dan sampel kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah *two-stage random sampling* yang menggabungkan *cluster sampling* dan *stratified random sampling* (Dawson 2002).

### *Instrumen*

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen. Soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu: Bahagian A (Maklumat Responden), Bahagian B (Penilaian umum responden terhadap Kursus PLPPI ILDAS) dan Bahagian C (Penilaian Responden Terhadap 5 Kursus di bawah PLPPI; Kursus Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan, Kursus Pengurusan Ko-Kurikulum Berkesan, Kursus Pengurusan Hal-Ehwal Murid), Kursus Pembinaan Soalan dan Jawapan dan Kursus Taranum). Skala Likert 5 poin iaitu Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Kurang Setuju (KS), Setuju

(S) dan Sangat Setuju (SS) telah digunakan bagi mengetahui penilaian peserta terhadap keberkesanan kursus PLPPI. Ujian kebolehpercayaan Cronbach Alpha yang dilakukan kepada semua sampel kajian adalah pada tahap tinggi iaitu pada aras 0.849.

*Analisis Data*

Data-data daripada borang soal selidik dan pemerhatian dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif seperti peratus dan frekuensi, terutama yang berkaitan dengan latar belakang sampel dan juga persepsi sampel terhadap item-item atau pemboleh-pembolehubah kajian. Bagi semua pernyataan negatif, penyelidik telah mengkodkan semula data kepada skor positif bagi mendapatkan keputusan sebenar. Pada tahap ini, analisis data kajian telah digunakan dengan menggunakan perisian SPSS bagi analisis kuantitatif secara deskriptif. Analisis deskriptif merupakan teknik penghuraian data secara menyeluruh yang bertujuan untuk memberi gambaran awal tentang profil responden berdasarkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Bagi menjawab persoalan kajian, pengkaji menggunakan interpretasi skor min seperti dalam Jadual 2.

Jadual 1 :

*Interpretasi Skor Min*

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 2.33	Rendah/Tidak Sesuai
2.34 hingga 3.66	Sederhana/Agak Sesuai
3.67 hingga 5.00	Tinggi/Sesuai


Sumber : Ubahsuai daripada Ab. Halim (2010)

**DAPATAN KAJIAN**

Dapatan kepada kajian ini dijelaskan seperti berikut:


*Latar Belakang Responden Kajian*

Kajian ini telah dijalankan dinegeri Selangor dan telah melibatkan seramai 600 orang responden kajian. Berikut adalah maklumat yang berkaitan dengan latar belakang sampel kajian:



Rajah 1: Jantina peserta kursus


Rajah 1 di atas menunjukkan sampel kajian yang pernah terlibat dalam kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak ILDAS. Sebanyak 600 orang responden telah dipilih sebagai sampel kajian. Daripada rajah 2 tersebut didapati sampel kajian ini adalah terdiri daripada 155 lelaki (25.8%) dan 445 orang (74.2%) peserta perempuan yang terdiri dari guru-guru sekolah rendah agama di Selangor.



Rajah 1: Zon daerah bertugas peserta kursus

Rajah 1 di atas menunjukkan sampel kajian ini terdiri daripada 600 peserta yang datang daripada beberapa zon. Seramai 78 (13%) peserta kajian adalah datang daripada zon utara (Sabak Bernam, Hulu Selangor dan Kuala Selangor). Zon selatan (Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang) pula diwakili oleh seramai 90 (15%) sampel kajian. Manakala majoriti sampel kajian adalah daripada kawasan tengah iaitu seramai 432 peserta iaitu 72% daripada keseluruhan sampel kajian ini. Jumlah yang tinggi kerana jumlah sekolah yang banyak di ketiga-tiga daerah zon tengah iaitu Kelang, Petaling dan Gombak.

Jadual berikut akan menunjukkan pula taburan sampel kajian berdasarkan umur mereka:




Carta 2: Latar belakang umur peserta kursus

Berdasarkan Rajah 2 di atas, 35% (210 peserta) daripada sampel kajian adalah berumur antara 21-30 tahun dan 37% (222 peserta) adalah terdiri daripada mereka yang berumur antara 31-40 tahun.

Selain itu, 22% (132 peserta) sampel adalah terdiri daripada peserta kursus yang berumur antara 41-50 tahun. Hanya 6% (36 peserta) sahaja peserta kursus berumur 51 tahun ke atas yang menjadi sampel kajian ini.

Bagi mendapatkan kepelbagaian maklumat, kajian ini telah mengambil sampel peserta kursus yang sudah lama berkursus iaitu antara 6 bulan sehingga 3 tahun dan juga mereka yang sebaik sahaja menamat kursus di ILDAS.



Rajah 3: Latar belakang mengikuti kursus di ILDAS

Rajah di atas menunjukkan 70% (420) sampel kajian ini adalah para peserta yang telah lama mengikuti kursus, manakala 30% (180) adalah peserta yang baru sahaja menamatkan kursus di ILDAS.

### PENILAIAN TERHADAP KURSUS-KURSUS PLPPI

Kajian mendapati penilaian peserta terhadap kursus-kursus yang dianjurkan oleh PLPPI ialah seperti berikut:

#### *Kursus Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan*

Bagi kursus pengajaran dan pembelajaran berkesan, peserta telah memberikan penilaian seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2 seperti berikut:

Jadual 2:

#### *Kursus Pengurusan Pengajaran Dan Pembelajaran Berkesan*

BIL	PENYATAAN	STS	TS	KS	S	SS	MIN
Da1	Saya dapat memahami hala tuju pendidikan JAIS melalui kursus ini	.3	.3	10.9	70.7	17.8	4.054
Da2	Setelah mengikuti kursus, saya dapat merancang pengajaran dengan lebih baik		.3	5.7	71.0	9.6	4.166
Da3	Kursus yang dihadiri dapat meningkatkan kefahaman saya tentang kaedah pengajaran yang berkesan		.6	6.0	77.6	15.8	4.080
Da4	Saya dapat mempelbagaikan kaedah	.3	.9	6.9	67.2	24.7	4.152

	pengajaran dan pembelajaran di sekolah						
Da5	Kursus membantu saya memahami kaedah dalam mengawal bilik darjah	1.4		7.8	64.9	25.9	4.137
Da6	Kemahiran komunikasi yang dipelajari membantu saya dalam sesi pengajaran di kelas	.6	.3	7.2	67.8	24.1	4.146
Da7	Saya dapat mengaplikasikan pengetahuan psikologi yang dipelajari di sekolah	.9	.6	14.7	67.0	17.0	3.985
Da8	Saya boleh membina bahan bantu pengajaran yang baik selepas mengikuti kursus ini	.6	.3	12.6	69.8	16.7	4.017
Da9	Saya dapat mengamalkan penilaian pelajar secara sistematik selepas mengikuti kursus ini	.3	1.1	15.8	66.4	16.4	3.974
Da10	Sesi pengajaran mikro meningkatkan pengetahuan pengajaran dan pembelajaran	.3	1.7	10.1	67.2	20.7	4.063
Da11	Sesi pengajaran mikro dapat meningkatkan kemahiran pengajaran dan pembelajaran	.6	.3	11.2	65.2	22.7	4.092
Da12	Kursus yang diikuti ini meningkatkan keyakinan saya sebagai guru yang berkesan	.6	.3	7.2	63.5	28.4	4.189
Da13	Melalui kursus ini saya dapat memahami etika sebagai guru cemerlang	.6	2.3	6.3	63.6	27.2	4.146
Da14	Kursus ini memberikan manfaat kepada saya sebagai seorang guru	.3	.9	4.0	65.8	29.0	4.224
Da15	Kursus ini membantu saya memahami berkaitan sikap guru cemerlang	1.1	1.1	6.3	66.3	25.1	4.131
Da16	Kursus ini telah membentuk saya untuk menjadi seorang guru yang berkualiti dalam pengajaran	.6	.9	5.5	65.2	27.9	4.189
MIN KESELURUHAN							4.084

Secara keseluruhannya dapatan kajian ini menunjukkan kebanyakan para peserta yang mengikuti kursus ini berpuas hati dengan kursus yang dijalankan. Min keseluruhan bagi kursus ini adalah tinggi iaitu pada tahap 4.084. Item yang tertinggi ialah berkaitan dengan manfaat kepada guru "Kursus ini memberikan manfaat kepada saya sebagai seorang guru" iaitu pada aras 4.224 ini diikuti oleh dua item yang mempunyai aras yang sama iaitu 4.189. Item-item tersebut ialah "Kursus yang diikuti ini meningkatkan keyakinan saya sebagai guru yang berkesan" dan juga "Kursus ini telah membentuk saya untuk menjadi seorang guru yang berkualiti dalam pengajaran". Secara keseluruhannya para peserta berpuas hati dengan pelaksanaan kursus ini dan ianya memberikan manfaat kepada mereka kerana item-item yang lain juga berada paras yang tinggi seperti pengajaran mikro, perancangan pengajaran, asas kaedah pengajaran, kemahiran kawalan kelas dan juga kemahiran komunikasi.

Item-item yang terendah pula adalah item-item berikut: "Saya dapat mengamalkan penilaian pelajar secara sistematik selepas mengikuti kursus ini" (3.974), "Saya dapat mengaplikasikan pengetahuan psikologi yang dipelajari di sekolah" (3.975) dan "Saya dapat memahami hala tuju pendidikan JAIS melalui kursus ini" (4.054). Namun begitu, ketiga-tiga item ini masih berada pada yang tahap tinggi juga.

*Kursus Pengurusan Ko-Kurikulum Berkesan*

Penilaian peserta terhadap kursus Pengurusan Ko-Kurikulum Berkesan ialah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3:

*Kursus Pengurusan Ko-Kurikulum Berkesan*

BIL	PERNYATAAN	STS	TS	KS	S	SS	MIN
Db1	Kursus ini dapat meningkatkan maklumat pengurusan kokurikulum sekolah		.9	15.4	56.4	27.4	4.102
Db2	Setelah mengikuti kursus, saya dapat melaksanakan aktiviti kokurikulum dengan lebih baik		2.6	13.7	58.1	25.6	4.068
Db3	Kursus yang dihadiri dapat memberi pendedahan tentang program amal Islami		.8	16.0	52.1	31.1	4.134
Db4	Kursus yang dihadiri dapat memberikan pemahaman tentang pengurusan sukan		4.2	21.0	52.9	21.8	3.924
Db5	Pengurusan kelab dapat diuruskan dengan lebih baik setelah mengikuti kursus ini		4.2	25.2	48.7	21.8	3.882
Db6	Melalui kursus telah memberi pendedahan pengurusan persatuan di sekolah		5.0	25.2	46.2	23.5	3.882
Db7	Kursus ini dapat membina keyakinan diri saya untuk menjadi guru penasihat persatuan/kelab		1.7	22.7	52.1	23.5	3.974
Db8	Saya lebih bersedia untuk merancang aktiviti kokurikulum selepas mengikuti kursus ini		1.7	17.6	54.6	26.1	4.050
Db9	Kursus ini menjadi saya seorang proaktif dalam pengurusan kokurikulum		.8	13.4	64.7	21.0	4.058
Db10	Saya boleh merancang aktiviti kokurikulum dengan lebih sistematik		.8	18.5	56.3	24.4	4.042
Db11	Saya lebih bersedia bekerjasama bersama rakan-rakan dalam pengurusan aktiviti kokurikulum			13.4	56.3	30.3	4.168
Db12	Kursus ini membantu mengenal pasti masalah dengan lebih tepat		3.4	21.0	49.6	26.1	3.983
Db13	Saya dapat memahami kaedah-kaedah penilaian mengikut jenis aktiviti kokurikulum		1.7	21.0	53.8	23.5	3.991
Db14	Kursus ini dapat meningkatkan diri saya sebagai pengurus kokurikulum yang berwibawa		1.7	18.5	53.8	26.1	4.042
Db15	Saya yakin saya dapat melaksanakan tugas sebagai guru kokurikulum melalui kursus ini		1.7	15.1	56.3	26.9	4.084
MIN KESELURUHAN							4.025

Jadual di atas menunjukkan dapatan kajian tentang pelaksanaan kursus Pengurusan Ko-Kurikulum Berkesan yang dijalankan di ILDas sepanjang empat tahun. Umumnya, para peserta telah memberikan pandangan bahawa mereka telah berpuas hati dengan kursus yang mereka ikuti ini. Min



keseluruhan bagi item ini adalah berada pada tahap tinggi iaitu 4.025. Kebanyakan min bagi setiap item juga adalah tinggi dan berada lebih daripada 4.000. Min yang tertinggi adalah bagi item "Saya lebih bersedia bekerjasama bersama rakan-rakan dalam pengurusan aktiviti kokurikulum" dimana min keseluruhan adalah pada aras 4.168. Ini kemudiannya diikuti oleh item "Kursus yang dihadiri dapat memberi pendedahan tentang program amal Islami" yang min pada aras 4.134. Min yang ketiga tertinggi (4.102) ialah bagi item "Kursus ini dapat meningkatkan maklumat pengurusan kokurikulum sekolah". Secara keseluruhannya, peserta-peserta yang mengikuti kursus ini menunjukkan sikap yang positif terhadap kursus-kursus yang dijalankan walaupun terdapat juga antara mereka yang kurang berpuas hati dengan pelaksanaan kursus ini. Antara item yang terendah ialah ialah bagi item-item berikut:

- i. Kursus yang dihadiri dapat memberikan pemahaman tentang pengurusan sukan 3.924
- ii. Pengurusan kelab dapat diuruskan dengan lebih baik setelah mengikuti kursus ini 3.882
- iii. Melalui kursus telah memberi pendedahan pengurusan persatuan di sekolah 3.882

Namun, secara keseluruhannya, item-item bagi kursus ini masih berada pada tahap yang tinggi dan menunjukkan kursus ini memberikan kesan yang baik kepada para peserta. Jadual di atas memberikan satu gambaran yang baik terhadap perjalanan keseluruhan kursus ini kerana min-min bagi semua item berada dalam kategori yang tinggi.

#### *Kursus Pengurusan Hal Ehwal Murid*

Dapatan bagi penilaian peserta terhadap Kursus Pengurusan Hal Ehwal Murid ialah seperti di dalam Jadual 4 di bawah.

Jadual 4:

#### *Kursus Pengurusan Hal Ehwal Murid*

BIL	PERNYATAAN	STS	TS	KS	S	SS	MIN
Dc1	Kursus ini dapat meningkatkan kefahaman asas-asas aktiviti hal ehwal murid			17.6	48.1	34.3	4.166
Dc2	Setelah mengikuti kursus, saya dapat melaksanakan aktiviti hal ehwal murid dengan lebih baik			16.7	53.7	29.6	4.129
Dc3	Kursus yang dihadiri dapat memberi pendedahan tentang program pencegahan dadah			22.2	50.9	26.9	4.046
Dc4	Kursus yang dihadiri dapat memberikan pemahaman tentang pengurusan disiplin			12.0	54.6	33.3	4.213
Dc5	Pengurusan bimbingan kaunseling dapat diuruskan dengan lebih baik setelah mengikuti kursus ini			18.5	53.7	27.8	4.092
Dc6	Pengurusan bimbingan kerjaya dapat diuruskan dengan lebih baik setelah mengikuti kursus ini			18.5	56.5	25.0	4.064
Dc7	Melalui kursus ini telah memberi pendedahan pengurusan kebajikan murid			14.8	55.6	29.6	4.148
Dc8	Saya lebih bersedia untuk merancang			16.7	13.7	29.6	4.129

	aktiviti kebersihan selepas mengikuti kursus ini						
Dc9	Saya lebih bersedia untuk merancang aktiviti keceriaan selepas mengikuti kursus ini			19.7	49.1	31.1	4.120
Dc10	Saya lebih bersedia untuk merancang aktiviti keselamatan selepas mengikuti kursus ini			20.4	51.9	27.8	4.074
Dc11	Kursus ini mendedahkan saya berkaitan ciri-ciri GPK yang berkesan			16.8	51.4	31.8	4.149
Dc12	Saya yakin saya dapat melaksanakan tugas sebagai GPK yang berkesan		.9	15.0	52.3	31.8	4.149
MIN KESELURUHAN							4.123

Berdasarkan jadual di atas, para peserta yang mengikuti Kursus Pengurusan Hal Ehwal Murid secara umumnya berpuas hati dengan pelaksanaan kursus yang dijalankan oleh pihak ILDAS. Min keseluruhannya bagi kursus ini adalah berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.123. Malah kesemua item dalam jadual ini berada pada aras yang melebihi 4.000. Ini menunjukkan majoriti daripada peserta-peserta berpuas hati dengan kursus yang dijalankan. Sebagai contoh item "Kursus yang dihadiri dapat memberikan pemahaman tentang pengurusan disiplin" berada pada aras 4.213. Dalam aspek lain pula item berikut "Saya yakin saya dapat melaksanakan tugas sebagai GPK (Guru Penolong Kanan) yang berkesan" juga berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.149 dan begitu min bagi item "Kursus ini mendedahkan saya berkaitan ciri-ciri GPK yang berkesan" Secara keseluruhannya kursus ini memberikan impak yang positif terhadap guru-guru penolong kanan atau bakal-bakal guru penolong kanan yang terlibat dalam kajian ini.

Bagi item-item yang terendah pula, min-min bagi item-item yang berkaitan juga berada pada paras yang tinggi juga seperti:

- i. Kursus yang dihadiri dapat memberi pendedahan tentang program pencegahan dadah 4.046
- ii. Pengurusan bimbingan kerjaya dapat diuruskan dengan lebih baik setelah mengikuti kursus ini 4.064
- iii. Saya lebih bersedia untuk merancang aktiviti keselamatan selepas mengikuti kursus ini 4.074

Berdasarkan daripada dapatan ini, secara keseluruhannya para peserta yang mengikuti kursus merasakan kursus ini memberika manfaat kepada mereka. Ini merangkumi aspek-aspek pengurusan disiplin, pengurusan hak ehwal murid, kebajikan pelajar, aktiviti kebersihan dan keceriaan sekolah mereka.

#### *Kursus Pembinaan Soalan Dan Jawapan*

Bagi kursus Pembinaan soalan dan jawapan, penilaian peserta terhadap keberkesanan kursus ialah seperti dalam Jadual 5 di bawah.

Jadual 5:

#### *Kursus Pembinaan Soalan dan Jawapan*

BIL	PERNYATAAN	STS	TS	KS	S	SS	MIN
Dd1	Kursus ini dapat meningkatkan kefahaman prinsip kerahsiaan dan keadilan dalam peperiksaan	.7		7.6	57.6	33.8	4.238

Dd2	Kursus ini membantu saya lebih memahami kaedah pembinaan item-item ujian	.7		13.9	51.7	33.8	4.178
Dd3	Kursus yang dihadiri dapat memberi pendedahan tentang pembinaan jadual spesifikasi ujian		.7	16.6	52.3	30.5	4.125
Dd4	Kursus yang dihadiri dapat memberikan pemahaman tentang pengurusan peperiksaan		.7	10.3	56.3	67.5	4.105
Dd5	Pengurusan kaedah penyediaan soalan dapat dilaksanakan dengan lebih baik setelah mengikuti kursus ini		1.3	11.3	57.0	30.5	4.165
Dd6	Pengurusan kaedah penyediaan skema jawapan dapat dilaksanakan dengan lebih baik setelah mengikuti kursus ini		2.0	8.6	59.6	29.8	4.172
Dd7	Kursus ini telah memberi pendedahan berkaitan konsep pentaksiran		1.3	14.6	55.0	29.1	4.119
Dd8	Saya lebih bersedia untuk memeriksa skrip jawapan selepas mengikuti kursus ini		.7	13.2	57.0	29.1	4.145
Dd9	Saya lebih bersedia untuk merancang proses penilaian selepas mengikuti kursus ini		.7	11.3	64.9	23.5	4.106
Dd10	Kursus ini mendedahkan saya kaedah-kaedah memeriksa skrip jawapan berkesan		.7	9.9	55.0	34.4	4.231
Dd11	Kursus ini memberikan saya keyakinan dalam membina soalan-soalan peperiksaan		3.4	8.1	56.8	31.8	4.168
Dd12	Saya yakin saya dapat melaksanakan tugas sebagai seorang penyedia kertas soalan yang berkesan		2.0	14.9	56.8	26.4	4.074
MIN KESELURUHAN							4.106

Jadual 5 di atas menunjukkan dapatan kajian yang dijalankan terhadap peserta yang mengikuti kursus Kursus Pembinaan Soalan dan Jawapan untuk guru-guru SRA. Hasil dapatan kajian menunjukkan secara umumnya para peserta yang mengikuti kursus ini berpuas hati dengan kursus yang diberikan kepada mereka. Min keseluruhan bagi penilaian peserta-peserta terhadap kursus ini adalah berada paras yang tinggi iaitu 4.106.

Dapatan ini menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa pelaksanaan kursus ini secara keseluruhan dilihat baik oleh mereka. Jika dilihat daripada tiga item yang mempeolehi min tertinggi, para peserta kursus ini memberikan penilaian yang tinggi kepada aspek kepentingan dan keperluan Kursus Pembinaan Soalan dan Jawapan untuk guru-guru SRA. Sebagai contoh:

- i. Kursus ini dapat meningkatkan kefahaman prinsip kerahsiaan dan keadilan dalam peperiksaan 4.238
- ii. Kursus ini mendedahkan saya kaedah-kaedah memeriksa skrip jawapan berkesan 4.231
- iii. Kursus ini membantu saya lebih memahami kaedah pembinaan item-item ujian 4.178

Malah, bagi kursus ini, item-item yang terendah dalam jadual di atas masih juga berada pada tinggi seperti " Saya yakin saya dapat melaksanakan tugas sebagai seorang penyedia kertas soalan yang berkesan" (4.074), "Saya lebih bersedia untuk merancang proses penilaian selepas mengikuti

kursus ini” (4.105) dan juga “Kursus yang dihadiri dapat memberikan pemahaman tentang pengurusan peperiksaan”(4.106). Dapatan kajian secara umumnya menunjukkan bahawa kursus yang dijalankan di ILDAS ini telah memberikan kesan positif kepada majoriti peserta khususnya yang terlibat dalam kajian. Peserta-peserta menyatakan bahawa kursus ini telah memberikan ilmu, kemahiran serta keyakinan untuk melaksanakan proses pentaksiran di sekolah-sekolah mereka.

*Kursus Tarranum*

Penilaian peserta terhadap keberkesanan kursus tarannum pula dapat dilihat dalam Jadual 6 di bawah.

Jadual 6:  
*Kursus Tarranum*

BIL	PERNYATAAN	STS	TS	KS	S	SS	MIN
De1	Kursus ini dapat meningkatkan ilmu tarranum al-Quran saya		1.5	11.1	50.4	37.0	4.229
De2	Setelah mengikuti kursus, saya dapat melaksanakan pengajaran tarranum al-Quran dengan lebih baik		3.7	21.6	47.8	26.9	3.977
De3	Kursus yang dihadiri dapat memberi pendedahan tentang sejarah perkembangan tarranum al-Quran		2.2	11.2	49.3	37.3	4.216
De4	Kursus yang dihadiri dapat memberikan pengetahuan tentang suara dalam tarranum al-Quran		1.5	12.7	46.3	39.6	4.238
De5	Melalui kursus telah memberi pendedahan tentang ilmu tarranum Bayati		3.0	8.3	52.6	36.1	4.218
De6	Melalui kursus telah memberi pendedahan tentang ilmu tarranum Nahawan		3.0	12.7	50.7	33.6	4.149
De7	Kursus ini dapat membina keyakinan diri saya untuk menjadi seorang guru tarranum yang berkesan	.7	5.2	22.4	49.3	22.4	3.873
De8	Saya lebih bersedia untuk merancang aktiviti tarranum al-Quran selepas mengikuti kursus ini		6.0	22.4	50.0	21.6	3.873
De9	Saya dapat mengamalkan ilmu tarranum di dalam kelas setelah mengikuti kursus ini		1.5	23.9	52.2	22.4	3.955
De10	Kemahiran ilmu tarranum meningkat selepas mengikuti kursus ini		3.7	21.6	49.3	25.4	3.962
MIN KESELURUHAN							4.062

Jadual 6 di atas menunjukkan dapatan kajian terhadap penilaian peserta-peserta terhadap Kursus Taranum yang dijalankan di ILDAS untuk guru-guru SRA. Daripada min keseluruhan yang diperolehi, kebanyakan peserta kajian berpuas hati dengan pelaksanaan kursus ini. Min keseluruhan bagi kursus taranum ialah 4.062 iaitu berada pada aras tinggi. Terdapat item-item yang mempunyai min yang tinggi seperti item ” Kursus yang dihadiri dapat memberikan pengetahuan tentang suara dalam tarranum al-Quran” yang mempunyai min 4.238. Ini diikuti oleh item ” Kursus ini dapat meningkatkan ilmu tarranum al-Quran saya ” dimana min bagi item ini ialah 4.229. manakala item yang ketiga tertinggi ialah ”Melalui kursus telah memberi pendedahan tentang ilmu tarranum Bayati”

yang mempunyai minnya pada aras 4.218. Ini memberikan gambaran bahawa kursus ini telah memberikan kesan kepada guru-guru yang mengikuti kursus ini.

Namun begitu, terdapat juga item-item yang agak rendah dalam aspek pelaksanaan Kursus Tarranum walaupun min item-item ini masih berada pada tahap yang tinggi. Ianya memberikan gambaran bahawa terdapat guru-guru yang merasakan kursus ini kurang memberikan kesan yang positif kepada mereka. Berikut adalah item-item terendah berdasarkan penilaian yang dibuat:

- |      |  |       |
|------|--|-------|
| i.   | Kursus ini dapat membina keyakinan diri saya untuk menjadi seorang guru tarranum yang berkesan | 3.873 |
| ii.  | Saya lebih bersedia untuk merancang aktiviti tarranum al-Quran selepas mengikuti kursus ini    | 3.873 |
| iii. | Saya dapat mengamalkan ilmu tarranum di dalam kelas setelah mengikuti kursus ini               | 3.955 |
| iv.  | Kemahiran ilmu tarranum meningkat selepas mengikuti kursus ini                                 | 3.962 |

Item-item yang rendah di atas menunjukkan terdapat para peserta-peserta yang merasakan kurang yakin kursus yang dijalankan ini. Item yang agak rendah ini dikaitkan dengan kurangnya ilmu yang diperolehi, pengamalan dan kemahiran ilmu taranum walaupun mereka telah mengikuti kursus ini.

## PERBINCANGAN

Perkembangan dan keadaan semasa berkaitan sosial dan persekitaran merupakan cabaran kepada sektor pekerjaan dan pengurusan organisasi khususnya organisasi Islam. Perkembangan ini memerlukan kepada pekerja Muslim terlatih dalam rangka menyediakan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan. Dalam konteks pembangunan masyarakat Islam, pekerja terlatih dan mahir mampu memberikan perkhidmatan yang efisien seterusnya meningkatkan produktiviti. Memberikan perkhidmatan efisien dari sudut pandangan Islam akan mendapat nilai ibadah. Tanpa latihan, tenaga kerja yang cekap dan terlatih tidak dapat dilahirkan. Ini memberi imej tidak baik kepada Islam. Sedangkan Islam menggesa umatnya bekerja dengan sistematik (al-Qur'an,61:4) sehingga menjadi *khayra ummah* atau umat terbaik (al-Qur'an,3:110). Hal ini disokong oleh Razaleigh Muhamat (2010) yang menekankan bahawa pekerja Muslim perlu memahami konsep kerja sebagai satu ibadah yang disertai niat yang ikhlas. Keikhlasan seseorang dalam melakukan kerja mampu meningkatkan produktiviti dalam sektor pekerjaan dan apa sahaja amalan yang dilakukan. Dalam kaitan ini, latihan kearah meningkatkan kualiti guru di Sekolah Rendah Agama di Selangor penting dalam menjana modal insan yang unggul dan sempurna. Matlamat ini adalah selari dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan yang telah dimasukkan dalam agenda Rancangan Malaysia ke-Sembilan (RMK 9) yang memberi fokus kepada pembangunan modal insan dengan minda kelas pertama. Hasrat melahirkan pekerja dan pendidik terlatih dan berkemahiran tinggi ini seakan-akan tercapai apabila kesemua dapatan kajian menunjukkan kursus yang dianjurkan ILDA di PLPPI secara keseluruhannya menunjukkan keberkesanan yang tinggi dengan purata min 4 ke atas. Namun demikian, terdapat juga item yang menunjukkan skor min di bawah 4 seperti dalam kursus Tarannum (al-Qur'an berlagu) di mana keyakinan peserta untuk menjadi guru tarannum yang mahir menunjukkan skor di bawah 4, iaitu 3.873. Ia merupakan satu cabaran kepada program latihan ILDA ke arah meningkatkan kualiti pendidik yang berada di Sekolah Rendah Agama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Cabaran dalam konteks latihan pendidikan ini misalnya telah dibincangkan dengan kritis oleh Mior Khairul Azrin (2011). Situasi ini perlu kepada penambahbaikan. Dapatan ini diharap boleh menjadi asas dan sumbangan ke arah menilai kelemahan yang ada ke arah melahirkan warga pendidik terlatih dan berkemahiran tinggi seterusnya mampu membangunkan modal insan yang unggul.

## KESIMPULAN

Perlaksanaan kursus dan latihan di bawah Pusat Latihan Pengurusan dan Pendidikan Islam adalah bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru-guru Pendidikan Islam di negeri Selangor. Matlamat ini dilihat tercapai berdasarkan dapatan kajian ini yang menunjukkan bahawa tahap penilaian peserta terhadap kursus yang ditawarkan dan dilaksanakan berada pada tahap yang tinggi iaitu antara 4.025 hingga 4.123 secara keseluruhannya di mana interpretasi skor min tahap tinggi yang menjadi indikator penilaian dalam kajian ini ialah antara 3.67 hingga 5.00.

## RUJUKAN

*A Dictionary of Modern Written Arabic* .(1980).Beirut : Librairie Du Liban.

Al-Bukhari (t.t). *Sahih al-Bukhari, Kitab al-ilm, Bab Ta'lim al-Rajuli Amatahu Wa Ahlahu*, jil.1 . Al-Qahirah : Dar al-Hadith.

Al-Mubarakpuri, Safi-ur-Rahman (1995). *Ar-Raheeq al-Makhtum*. Riyadh : Maktabah Dar-us-Salam.

Buku Program Latihan ILDAS.(2009). Shah Alam: Jabatan Agama Islam Selangor.

Dawson, Catherine (2002). *A practical Guide to research Method*. Oxford: Spring Hill House.

Ideris Endot (2007). 'Strategi Pengurusan Sumber Manusia dalam Globalisasi dakwah Mutakhir'. Dalam Abdul Ghafar Don, Berhanuddin Abdullah & Zulkipl Abd.Ghani. *Dakwah dan Pengurusan islam di Malaysia Konsep dan Perlaksanaan* (Peny.). Bangi : Penerbit Universiti kebangsaan Malaysia

Mior Khairul Azrin Mior Jamaluddin (2011). Sistem Pendidikan di Malaysia : Dasar, Cabaran dan Perlaksanaan ke Arah Perpaduan Nasional. *Sosio Humanika*. Vol.4 (1) :33-48).

Razaleigh Muhamat@Kawangit (2010). *Kepimpinan dan Pengurusan Islam*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah & Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sherwani, Harun Khan (1939). Educational System in The Time of The Prophet. *Islamic Culture*. Vol.XIII (1):54

Syed Sajjad Husain and Syed Ali Ashraf (1979). *Crisis in Muslim education*, Jeddah: Hodder and Stoughton.

Shaharom TM Sulaiman (1997). *Pengurusan Islam dan Pembangunan Manusia*. Batu Caves: Thinker's Library.

Yusuf Ismail (1991). *Mengurus Secara Islam*. Kuala Lumpur: A.S.Noordeen.